



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.78 / 2019

PENUBUHAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PILIHAN RAYA

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mengalu-alukan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Pilihan Raya yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 17 Oktober 2019, yang akan berfungsi sebagai mekanisme semak dan imbang terhadap cabang eksekutif negara.
2. SPR ingin menegaskan bahawa sistem pilihan raya yang diamalkan di negara ini adalah telus dan adil. SPR juga akan memberi kerjasama penuh kepada jawatankuasa tersebut untuk memudahkan cara, menambak baik proses pilihan raya sedia ada agar lebih cekap dan memberikan keyakinan kepada seluruh rakyat negara ini terhadap sistem demokrasi yang diamalkan.
3. Dalam masa yang sama juga, SPR ingin mengulangi komitmennya untuk mengkaji dan meneliti proses perjalanan pilihan raya serta memberikan cadangan-cadangan penambahbaikan yang difikirkan sesuai dan perlu selaras dengan hasrat rakyat dan Negara.

Sekian, terima kasih.



DATUK AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 23 Oktober 2019 / 24 Safar 1441H